☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 16/4/2012
Hari: ISNIN M/S: 20
Ruangan: MEGA TEMPUL

UPM juara simulasi perniagaan IPTA

ENAM pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih hadiah wang tunai RM10,000 apabila menjuarai Pertandingan Simulasi Perniagaan institut pengajian tinggi (IPT) 2012.

Pertandingan anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Mypec Sdn. Bhd. disertai 17 pasukan dari IPT.

Ia diadakan bagi menguji dan membudayakan program keusahawanan di kalangan mahasiswa di negara ini.

Ketua pasukan UPM, Lee Yoong Jan tidak menyangka inovasi yang dikomersialkan secara simulasi oleh ahli kumpulannya berjaya menarik perhatian juri apabila perisian itu berjaya menyelesaikan masalah kanak-kanak yang mengalami disleksia.

"Kumpulan kami telah mengkomersialkan laman web yang mempunyai perisian dalam mengesan kanak-kanak disleksia.

"Sekiranya kanak-kanak mempunyai gangguan berkenaan, kami menawarkan penyelesaian dengan modul, bantuan cakera padat dan buku teks Perisian Tutor Phonic," katanya selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan simulasi IPT baru-baru ini.

Kumpulan itu turut disertai Siti Rubiah Ngadiman, Munirah Afifah Mokhtar, Tan Kah Kok dan Nurul Amalina Hassan.

Yoong Jan berkata, beliau berharap produk itu dapat dipasarkan menerusi syarikat yang ditubuhkan iaitu Braineo Solution Sdn. Bhd. sebelum penghujung tahun ini.

Sementara itu, penasihat kumpulan, Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kumpulan pelajar itu telah melalui pelbagai ujian simulasi pemasaran seperti penubuhan syarikat, bertemu pelabur, urusan jual beli dan perbincangan pinjaman dengan bank.